

UNISSA sertai KAIB

Oleh Yusrin Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 FEB – Rektor-rektor dan wakil-wakil rektor institusi pengajian tinggi di rantau Borneo telah menghadiri mesyuarat pertama Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) ke-14 di Malaysian Hall, Jakarta, Indonesia baru-baru ini.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammed Sharin bin Haji Masri selaku wakil Rektor UNISSA. Menurut kenyataan yang diterima di sini, mesyuarat itu telah dipengerusikan bersama oleh Rektor UiTM Sarawak, Profesor

Datuk Dr Jamil Hamali dan Rektor Universitas Mulawarman (UNMUL) Samarinda, Kalimantan Timur, Republik Indonesia, Dr. Ir. H. Abdunnur, M.Si, yang juga selaku Tuan Rumah KAIB ke-14.

Ia antara lainnya membincangkan usaha bagi memastikan objektif penganjuran KAIB dapat dicapai dan direalisasikan sama ada dari sudut pengumpulan bahan ilmiah yang berkaitan dengan perkembangan Islam, sosiobudaya, ekonomi dan politik sebagai rujukan pada masa hadapan.

Ia juga menjadi wadah perbincangan tentang peranan dan sumbangan institusi Islam serta isu-isu lain yang berkaitan termasuk mengumpulkan hasil tulisan yang berkaitan dengan manuskrip wilayah Nusantara khususnya di kepulauan Borneo ini serta menekankan persepakatan ahli-ahli bagi memastikan KAIB ke-14 dapat dijalankan dengan jayanya seperti yang dirancang.

Ia diharapkan dapat membawa impak besar kepada pembangunan Islam dan menjadikannya platform berterusan wacana ilmu serta membangun penyelidikan keislaman dalam pelbagai disiplin melalui *networking* antara Kalimantan, Sabah, Sarawak dan Brunei amnya dan impak pengantaraan-bangsaaan UNISSA khususnya.



Rektor-rektor dan wakil-wakil rektor institusi pengajian tinggi di rantau Borneo bergambar ramai ketika menghadiri mesyuarat pertama KAIB ke-14 di Malaysian Hall, Jakarta, Indonesia, baru-baru ini. - Gambar serahan UNISSA